

Mahathir gesa umat Islam pupuk semangat kejiranan

BH
BM 25 JUN 1984

ALOR STAR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru umat Islam supaya berusaha memupuk semangat kejiranan bagimenjamin hubungan baik antara rakyat negara ini.

Perdana Menteri membuat seruan ini di majlis berbuko puasa di Masjid Kepala Batu, Mukim Pelubang, kira-kira 20 km dari sini, malam tadi.

Beliau menegaskan, semangat kejiranan amat penting jika umat Islam dan rakyat negara ini ingin hidup selamat dan sejahtera.

"Dengan wujudnya semangat kejiranan rakyat yang tinggal berjiran akan mempunyai sifat tolong-menolong dan serta semangat bersaudara."

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat amalan mengadakan majlis berbuka puasa dan kunjung-mengunjung di hari raya adalah tradisi yang harus dipelihara.

Tradisi

Katanya tradisi ini bukan sahaja ditumpukan di kampung-kampung malah harus dikembangkan ke kawasan-kawasan bandar yang mempunyai penduduk berasal dari pelbagai tempat.

"Tradisi ini dapat memupuk semangat persaudaraan serta menjalin hubungan terbaik-baik sesama umat Islam," tegasnya.

"Ketiadaan semangat kejiranan ini menyebabkan peperangan an-

tara negara-negara Islam di Asia Barat walaupun dalam bulan Puasa.

"Malaysia telah berusaha untuk mendamaikan mereka tetapi gagal kerana negara-negara yang terabit dalam peperangan itu degil dan tidak mahu bertolak ansur," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan sepatutnya sebagai negara-negara Islam mereka perlu bertolak ansur dan berusaha untuk menyelesaikan perselisihan mereka.

Menurutnya, mereka perlu merujuk kepada ajaran al-Quran dan berusaha menamatkan persengketaan antara mereka demi perdamaian dan persaudaraan Islam.

Berucap di majlis berbuka puasa dan syarahan agama di Masjid Kepong Batu, Jitra dekat sini malam tadi, Perdana Menteri menyarankan umat Islam negara ini supaya mengekalkan amalan semangat kejiranan dan cara berbaik- baik melalui majlis berbuka puasa seperti itu dan berkunjung ke rumah - rumah jiran, saudara - saudara dan kawan - kawan pada Hari Raya.

Tegasnya, "inilah harapan kita dan saya percaya dengan adanya amalan ini rakyat negara kita akan mencapai kebahagiaan."

Datuk Sri Dr. Mahathir mengesakan bahawa tujuan kerajaan ialah untuk menyatupadukan orang - orang Islam di dalam negara ini.

Di peringkat dunia Islam antarabangsa, Perdana Menteri, menjelaskan Malaysia telah berusaha untuk mendamaikan peperangan yang berlaku di Timur Tengah atau Asia Barat tetapi hingga sekarang tidak berjaya.

Menurutnya usaha ini tidak berjaya kerana tidak ada tolak ansur oleh mana-mana pihak yang terlibat dengan peperangan tersebut.

"Malaysia telah mencuba beberapa kali bahkan ada kalanya kita tel-

maian ini," ujar beliau.

Beliau menyatakan sebaliknya mereka tidak mahu menerima ajaran Al-Quran tetapi sebaliknya mereka memintanya supaya Malaysia menjatuhkan hukum kepada si polan - si polan untuk menghancurkan kerajaan si polan itu.

"Ini kita tidak boleh